

**Perkaitan antara Perapatan Ibubapa dan Rakan Sebaya dengan Penglibatan Remaja dalam Penyalahgunaan Dadah di Sabah**

**Azahar Che Latiff  
Balan Rathakrishnan  
Norhamidah Jarimal@Safri  
Siti Noor Fazariah Suis@Mohd Rusdy  
Surianti Lajuma**

Universiti Malaysia Sabah

*Penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja pada masa kini bukan lagi suatu masalah yang harus dipandang ringan oleh semua masyarakat. Fenomena dan keadaan ini menjadi satu masalah yang getir dalam melihat kemajuan dan perkembangan remaja masa kini. Penglibatan remaja dalam masalah ini bukan sahaja memberikan kesan negatif kepada perkembangan sosial mereka, malah ianya turut merangkumi aspek keruntuhan moral dan akhlak. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat dan mengkaji perkaitan antara perapatan ibubapa dan rakan sebaya dengan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah. Kajian ini adalah berbentuk kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Responden yang terlibatkan dalam kajian ini adalah seramai 533 orang yang terdiri daripada kalangan remaja lelaki dan perempuan. Tempat kajian adalah di tiga klinik Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) di Sabah iaitu AADK Sandakan, AADK Tawau, dan AADK Kota Kinabalu. Pemilihan resopnden adalah mereka yang telah dikenalpasti pernah mendapatkan rawatan di Klinik AADK bagi kawasan tersebut. Bagi tujuan analisis data, statistik yang digunakan adalah ujian korelasi untuk melihat hubungan dan ujian ANOVA sehala bagi melihat perbezaan antara pembolehubah. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara perapatan ibubapa dan rakan sebaya dengan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah. Keputusan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan penyalahgunaan dadah mengikut kawasan dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan penyalahgunaan dadah mengikut umur. Implikasi dan cadangan untuk kajian akan datang turut dicadangkan.*

**Kata kunci:** Perapatan, Ibubapa, Rakan Sebaya, Remaja, Penyalahgunaan Dadah  
**SAPJ Code:** 2030

**Pengenalan**

Penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja pada masa kini bukan lagi suatu masalah yang harus dipandang ringan oleh semua masyarakat. Fenomena dan keadaan ini menjadi satu masalah yang getir dalam melihat kemajuan dan perkembangan remaja kini. Penglibatan remaja pelbagai etnik dalam masalah ini bukan sahaja memberikan kesan negatif kepada perkembangan sosial mereka, malah ianya turut merangkumi aspek keruntuhan moral dan akhlak. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Anti Dadah Kebangsaan (AADK) pada akhir Disember 2013, seramai 7864 kes penagih yang dikesan diseluruh negara yang mana menunjukkan penurunan sebanyak 1151 kes atau 12.77 % daripada 9015 pada akhir disember 2012. Namun penurunan statistik ini tidak memberi nafas lega kepada semua pihak kerana kes penagihan dadah ini masih lagi berleluasa di negara ini sekiranya tidak dibendung dengan segera.

Hakikatnya, remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah sebenarnya ingin meluahkan sesuatu perasaan yang terpendam. Menurut Hall (1904), remaja adalah masa yang penuh dengan kekeliruan, kesedihan dan konflik. Oleh itu, adalah penting bagi orang dewasa khususnya ibu bapa, pendidik dan ahli masyarakat untuk mengikuti perkembangan remaja. Mereka wajar membantu remaja yang berisiko ini agar mengelakkan diri dari

terjebak dengan kegiatan yang negatif. Remaja daripada golongan pelajar akan mudah terpengaruh dengan keseronakan dadah dan mula mengabaikan perkara penting seperti menghormati ibu bapa, mengutamakan pelajaran serta melepak tidak tentu arah sekiranya tidak dikawal atau kurang diberi perhatian.

Abdul Ghafar Taib (1995) mendefinisikan dadah sebagai bahan yang mendatangkan kemudaran kepada kesihatan seseorang dari segi jasmani (fizikal), rohani (mental dan emosi) serta tingkah laku pengguna apabila menggunakan. Akibatnya, seseorang yang menggunakan dadah akan terus bergantung hidup kepada dadah tersebut dan boleh menyebabkan ketagihan. Penagih sanggup menggadaikan maruah serta memperhambakan diri kepada sesiapa sahaja walau dalam apa juar keadaan, asalkan bekalan dadah yang diingini diperolehi.

Menurut Agensi Dadah Kebangsaan Malaysia, dadah merupakan satu istilah khas kepada sejenis bahan yang mendatangkan kemudaran kepada kesihatan seseorang dari segi jasmani, rohani serta tingkah laku pengguna apabila digunakan. Pergantungan pada dadah adalah keadaan keperluan secara fizikal atau psikologi atau kedua-duanya sama ada secara berterusan atau pada waktu-waktu tertentu. Selain itu, dadah juga merupakan bahan kimia psikotik yang mempunyai ciri-ciri seperti a) Memberikan kesan paling ketara ke atas sistem saraf pusat iaitu otak dan saraf tunjang, b) Digunakan bukan untuk tujuan perubatan dan penggunaannya adalah dilarang, c) Diperolehi secara haram, d) Membawa kepada pergantungan fizikal dan psikologi serta meningkatkan daya tahan terhadap dadah, dan e) Mendatangkan kesan buruk dan bahaya ke atas kesihatan dan fungsi sosial seseorang.

### **Permasalahan Kajian**

Remaja yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah ini perlu diberi perhatian khusus kerana permulaan untuk mencuba benda yang kecil akan mengakibatkan ketagihan untuk mengulanginya. Akhirnya remaja ini akan mula mencuba dan berjinak-jinak dengan najis dadah. Tidak mustahil remaja yang terpengaruh ini akan mempengaruhi rakan sebaya yang lain untuk sama-sama menikmati kegembiraan dengan najis dadah ini. Melalui laporan yang dikeluarkan oleh Anti Dadah Kebangsaan (AADK) sehingga bulan Disember tahun 2013 sahaja, sebanyak 7864 orang penagih dadah yang dicatatkan berlaku di negara Malaysia. 4768 atau 60.63% daripada kes tersebut adalah penagih baru dan 3096 kes atau 39.37 % adalah penagih berulang. Statistik juga menunjukkan, 3284 kes daripada keseluruhan jumlah kes 7864 adalah disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya. Secara puratanya pula, seramai 655 orang penagih dikesan setiap bulan dengan 397 orang daripadanya penagih baru dikesan dan 258 orang adalah penagih berulang.

Penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja berkait rapat dengan faktor seperti konflik keluarga, hubungan interpersonal, rakan sebaya, penghargaan kendiri dan faktor budaya. Keceluaran persekitaran rumah tangga, ketidakberkesanan cara gaya keibubapaan, kurangnya hubungan komunikasi dua hala dalam didikan antara ibubapa dan anak, turut menjadi faktor penting dalam penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja (*National Institute On Drug Abuse*, 2010).

Miziker-Gonet (2010) pula menyatakan wujud persepsi dalam kalangan remaja bahawa penerimaan mereka sebagai seseorang individu di dalam kelompok rakan sebaya khususnya di sekolah akan diterima setelah mereka bersetuju menerima ajakan serta membenarkan tingkah laku penyalahgunaan dadah. Tingkah laku ini merupakan kunci kepada penerimaan kumpulan rakan sebaya itu sendiri. Jika tidak, mereka akan ditolak dari kumpulan oleh rakan sebaya yang lain.

Gau, Chong, Yang, Yen, Liang, dan Cheng (2007) menyatakan bahawa penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja telah menjadi isu kesihatan masyarakat yang sangat penting di kebanyakkannya negara. Dalam konteks masyarakat di Malaysia pula, penyalahgunaan dadah telah mendapat perhatian yang serius daripada pelbagai agensi seperti sektor kerajaan, swasta dan masyarakat itu sendiri. Oleh itu, terdapat pelbagai cara

dan kaedah yang digunakan untuk membasmi penyalahgunaan dadah antaranya adalah seperti membuat kempen kesedaran, *Cure & Care Servis Centre (CCSC)*, *Caring Community House (CCH)*, Operasi Res-Q, membuat tangkapan serta menubuhkan Pusat Rawatan Serenti untuk membantu memulihkan serta membina semula akhlak remaja yang telah terjebak dengan dadah.

Kajian daripada Caroll (1998) menunjukkan bahawa tingkah laku menghidu gam dalam kalangan remaja terutamanya adalah berpunca daripada ketidakupayaan untuk mengelakkan diri daripada pengaruh rakan sebaya. Ini menjelaskan bahawa peramat bagi penyalahgunaan bahan dan perubahan dalam penggunaan bahan yang konsisten adalah pengaruh daripada rakan-rakan. Menurut Branstetter, Low & Furman (2011) pengaruh besar rakan sebaya dalam penyalahgunaan bahan berpunca daripada interaksi negatif bersama dengan rakan mereka. Seorang rakan yang sangat rapat mempunyai pengaruh secara positif dan negatif yang sangat kuat dalam penggunaan bahan (McCrady, 2004 yang dipetik daripada Branstetter, Low & Furman, 2011 ).

Oleh itu, kajian ini cuba untuk melihat isu serta perkaitan antara perapatan (ibubapa dan rakan sebaya) terhadap kecenderungan remaja untuk terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Menurut Elder (1998), ibu bapa merupakan orang paling rapat dengan remaja untuk menyatakan sebarang persoalan dan pandangan. Dalam kajian ini, hubungan perapatan remaja yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah dengan ibu bapa harus dilihat dari aspek pergaulan harian, keterimaan dalam keluarga serta persepsi terhadap kasih sayang yang diberikan. Mengikut Hoffman (1996), keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan akan terus memberikan pengaruh yang amat besar terhadap tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang sehingga ke alam dewasa. Selain itu, kajian ini akan juga akan melihat bagaimana hubungan perapatan ibu bapa seperti kasih sayang, keperihatinan serta perhatian terhadap emosi dan tingkah laku yang diberikan kepada remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dadah.

Seterusnya, hubungan perapatan rakan sebaya juga akan dikaji berdasarkan penerimaan mereka terhadap rakan yang terlibat dengan dadah, potensi pergaulan dengan rakan yang lain, serta keterbukaan rakan sebaya terhadap emosi seorang penagih ini. Hal ini amat penting untuk dikaji kerana rakan sebaya merupakan orang yang paling rapat dengan remaja selepas ibu bapa dan keluarga. Menurut Klausmeier, Herbert, Feldman, dan Katherine (1975) dalam hal seperti tanggungjawab moral, keberanian, kejujuran, kemesraan dan lain-lain, para remaja dipengaruhi oleh pendapat dan pandangan rakan sebaya berbanding pengaruh ibu bapa. Dalam hal ini, seseorang remaja memerlukan seseorang sebagai tempat mengadu sesuatu perkara, serta mendapatkan panduan dan pertolongan. Kadang kala mereka merasa lebih selesa berbincang atau bercerita masalah dengan rakan sebaya. Oleh itu, kajian ini akan melihat bagaimana hubungan perapatan rakan sebaya terhadap penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja.

## Pendekatan Teori

Terdapat dua teori major yang mendominasi kajian berkaitan perapatan dan penghargaan kendiri iaitu 1) Teori Perapatan dan 2) Teori Penentuan Diri.

### *Teori Perapatan*

Teori Perapatan memberi tumpuan kepada hubungan dan ikatan antara seseorang, khususnya hubungan jangka panjang termasuk di antara ibu bapa dan anak serta antara pasangan. Ahli psikologi British John Bowlby (1958) merupakan ahli teori perapatan yang pertama, menggambarkan perapatan sebagai "keterkaitan psikologi yang berpanjangan di antara manusia."

Bowlby berminat dalam memahami keimbangan dan kesedihan berpisah yang dialami oleh kanak-kanak apabila dipisahkan daripada penjaga utama mereka. Antara teori tingkah laku yang paling awal mencadangkan bahawa perapatan adalah semata-mata

tingkah laku yang dipelajari. Teori ini mencadangkan bahawa perapatan hanya hasil daripada hubungan antara kanak-kanak dengan penjaga. Disebabkan pengasuh yang memberikan kepuasan dan rasa selamat kepada kanak-kanak, maka teori perapatan ini telah disyorkan. Menurut pemerhatian Bowlby menunjukkan bahawa walaupun penjaga berhenti untuk memberikan penyusuan, ia tidak mengurangkan keimbangan yang dialami oleh kanak-kanak apabila mereka dipisahkan dari penjaga utama mereka. Sebaliknya, dia mendapati bahawa perapatan itu mempunyai ciri corak tingkah laku yang jelas dan motivasi.

#### *Bentuk Perapatan*

##### a. Perapatan Selamat

Perapatan selamat dinyatakan sebagai kesusahan apabila dipisahkan daripada penjaga dan riang apabila penjaga kembali. Ingat, kanak-kanak akan merasa aman jika dapat bergantung kepada penjaga mereka. Apabila penjaga meninggalkan mereka, kanak-kanak berkenaan akan kecewa tetapi masih berasa yakin bahawa ibu bapa atau penjaga akan kembali. Apabila takut atau menghadapi sebarang masalah, anak jenis perapatan selamat akan mencari keselesaan daripada penjaga mereka kerana tahu ibu bapa atau penjaga akan memberi keselesaan dan jaminan, maka mereka selesa untuk mencari penjaga mereka pada masa yang diperlukan.

##### b. Perapatan Separuh

Seseorang yang mempunyai Perapatan Separuh biasanya menjadi sangat bermasalah apabila ibubapa atau penjaga meninggalkan mereka. Kajian menunjukkan bahawa perapatan separuh adalah hasil daripada kekurangan ketersediaan ibubapa. Anak-anak ini tidak dapat bergantung kepada ibubapa atau penjaga mereka untuk berada di sisi apabila mereka memerlukan.

##### c. Perapatan Mengelak

Anak-anak yang mempunyai Perapatan Mengelak cenderung untuk mengelakkan ibubapa atau penjaga. Apabila ditawarkan pilihan, mereka akan menunjukkan tidak ada keutamaan dalam merujuk kepada penjaga dan orang yang tidak dikenali. Kajian telah menunjukkan bahawa gaya perapatan ini mungkin hasil daripada penjaga yang tegas atau lalai. Anak-anak yang dihukum kerana bergantung kepada penjaga akan belajar untuk mengelak daripada mendapatkan bantuan pada masa hadapan.

##### d. Perapatan Tidak Teratur

Kanak-kanak dengan Perapatan Tidak Teratur sering menunjukkan campuran tingkah laku yang mengelirukan dan mungkin kelihatan keliru. Anak-anak mungkin boleh mengelakkan atau melawan ibu bapa. Beberapa penyelidik percaya bahawa kekurangan corak perapatan yang jelas mungkin dikaitkan dengan tingkah laku yang tidak konsisten dari penjaga. Dalam kes seperti ini, ibubapa mungkin memberikan kedua-dua sumber keselesaan dan sumber rasa takut pada masa yang sama, yang akhirnya membawa kepada tingkah laku yang tidak teratur dalam diri anak-anak.

#### *Teori Penentuan Diri*

Ahli psikologi Deci Edward dan Ryan Richard (1971) membangunkan teori motivasi yang mana menunjukkan bahawa seseorang cenderung didorong oleh keperluan untuk berkembang dan mendapat kepuasan. Andaiannya pertama teori penentuan diri adalah bahawa seseorang dipandu untuk memenuhi keperluannya dan pertumbuhan. Semakin berkuasa berdepan dengan cabaran dan mengambil pengalaman baru adalah penting untuk membangunkan rasa padu pada diri.

Walaupun manusia sering terdorong untuk bertindak dengan ganjaran luaran seperti wang, hadiah dan pujian (motivasi ekstrinsik), teori penentuan diri memberi tumpuan terutamanya kepada sumber dalaman seperti keperluan untuk mendapat pengetahuan atau kebebasan (motivasi intrinsik).

Menurut teori penentuan diri, seseorang perlu mengalami seperti berikut bagi mencapai pertumbuhan psikologi:

• **Kecekapan:**

Seseorang perlu mendapatkan penguasaan tugas dan belajar kemahiran yang berbeza.

• **Hubungan:**

Seseorang perlu mengalami rasa kekitaan dan perapatan kepada orang lain.

• **Autonomi:**

Seseorang perlu berasa dalam kawalan tingkah laku dan matlamat mereka sendiri

Deci dan Ryan (1971) mencadangkan bahawa apabila seseorang mengalami tiga perkara seperti yang telah dinyatakan diatas, mereka menjadi seorang yang dapat menjadi penentu kepada diri sendiri dan sekaligus mampu menjadi motivasi intrinsik untuk mendapatkan perkara yang menarik minat mereka.

### **Tujuan Kajian**

Selaras dengan tajuk penyelidikan, kajian ini secara khususnya cuba untuk memenuhi objektif berikut:

1. Mengenalpasti hubungan antara perapatan ibubapa dengan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah.
2. Mengenalpasti hubungan antara perapatan rakan sebaya dengan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah.
3. Mengenalpasti perbezaan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah mengikut kawasan.
4. Mengenalpasti perbezaan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah mengikut umur.

### **Hipotesis Kajian**

Beberapa hipotesis telah dibentuk dalam kajian ini berdasarkan kepada tujuan kajian yang telah dinyatakan:

- H1** Tidak terdapat hubungan antara perapatan ibubapa dengan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah.
- H2** Tidak terdapat hubungan antara perapatan rakan sebaya dengan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah.
- H3** Tidak terdapat perbezaan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah mengikut kawasan.
- H4** Tidak terdapat perbezaan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah mengikut umur.

### **Metodologi Kajian**

#### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik. Subjek atau responden yang dipilih adalah berbentuk *purposive sampling* iaitu remaja yang pernah menyalahguna atau menghisap dadah. Selain itu, responden akan menjawab soal selidik

dalam kajian ini secara bersemuka dengan pengkaji atas alasan menjaga etika dalam pentadbiran alat kajian dan etika penggunaan responden yang diklasifikasikan sebagai sulit dan rahsia dari segi identiti.

### **Sampel Kajian**

Seramai 533 orang telah diambil sebagai subjek atau responden dalam kajian ini. Mereka adalah golongan remaja yang pernah menyalahguna dadah dan sedang menjalani rawatan pemulihian di Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) seluruh Sabah.

### **Tempat Kajian**

Kajian dijalankan di tiga buah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) seluruh Sabah iaitu AADK Kota Kinabalu, AADK Sandakan dan AADK Tawau.

### **Alat Kajian**

Bagi tujuan mencapai objektif penyelidikan, kajian ini menggunakan soal selidik piawai seperti berikut:

(a) *Drug Use Questionnaire (DAST-20)*

Alat kajian ini dibina oleh Dr. Harvey Skinner (2009). Mengandungi 20 item yang cuba mengenalpasti tahap penglibatan remaja dalam menyalahgunaan dadah.

(b) *Inventory of Parents and Peers Attachment – Revised (IPPA – R)*

Alat kajian ini dibina oleh Armsden & Greenberg, (1987) yang terdiri daripada 2 bahagian. Bahagian A mengandungi 25 item yang cuba mengenalpasti perapatan di antara remaja dengan ibubapa. Bahagian B mengandungi 25 item yang cuba untuk mengenalpasti perapatan di antara remaja dan rakan sebaya.

### **Analisis Data**

Perisian *Statistical Package For The Social Sciences (SPSS)* versi 20 digunakan di dalam kajian ini bagi memproses dan menganalisis data yang diperolehi. Ujian korelasi digunakan bagi mengenalpasti hubungan perapatan di antara remaja yang menggunakan dadah dengan ibubapa dan rakan sebaya. Selain itu, ujian ANOVA pula digunakan untuk mengenalpasti perbezaan penyalahgunaan dadah mengikut kawasan dan umur.

### **Keputusan Kajian**

Keputusan kajian dinyatakan mengikut urutan hipotesis yang telah dinyatakan seperti berikut:

**Tidak terdapat hubungan antara perapatan ibubapa dengan penglibatan remaja dalam menyalahgunaan dadah.**

Keputusan kajian menunjukkan terhadap hubungan yang signifikan antara perapatan ibubapa dengan penglibatan remaja dalam menyalahgunaan dadah ( $r=.182$ ,  $k<.01$ ). Hubungan adalah positif dan bersifat sangat lemah. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa jika skor perapatan ibubapa meningkat maka skor penglibatan remaja dalam menyalahgunaan dadah juga akan meningkat dan begitu juga sebaliknya. Maka, hipotesis adalah ditolak. Jadual 1 menunjukkan ringkasan bagi dapatan kajian ini.

**Jadual 1: Hubungan Antara Perapatan Ibubapa Dengan Penglibatan Remaja Dalam Penyalahgunaan Dadah.**

		<b>Penggunaan Dadah</b>
<b>Perapatan Ibubapa</b>	r	.182**
	Sig.	.000
	N	430

k<.01

**Tidak terdapat hubungan antara perapatan rakan sebaya dengan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah**

Keputusan kajian menunjukkan terhadap hubungan yang signifikan antara perapatan rakan sebaya dengan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah ( $r=.171$ ,  $k<.01$ ). Hubungan adalah positif dan bersifat sangat lemah. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa jika skor perapatan rakan sebaya meningkat maka skor penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah juga akan meningkat dan begitu juga sebaliknya. Maka, hipotesis adalah ditolak. Jadual 2 menunjukkan ringkasan bagi dapatan kajian ini.

**Jadual 2: Hubungan antara Perapatan Rakan Sebaya dengan Penglibatan Remaja dalam Penyalahgunaan Dadah**

		<b>Penggunaan Dadah</b>
<b>Perapatan Rakan Sebaya</b>	r	.171**
	Sig.	.000
	N	428

k<.05

**Tidak terdapat perbezaan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah mengikut kawasan**

Keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah mengikut kawasan ( $F=9.898$ ,  $k<.05$ ). Dapatan kajian menunjukkan, kawasan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah tertinggi adalah di Kota Kinabalu, diikuti oleh kawasan Sandakan dan akhir sekali adalah kawasan Tawau. Maka, hipotesis adalah ditolak. Jadual 3 menunjukkan ringkasan bagi dapatan kajian ini.

**Jadual 3: Perbezaan Penglibatan Remaja dalam Penyalahgunaan Dadah Mengikut Kawasan**

<b>Lokasi</b>	<b>Jumlah kuasa dua</b>	<b>dk</b>	<b>Min kuasa dua</b>	<b>F</b>	<b>Sig.</b>
Antara kumpulan	255.83	2	127.91	9.898	.000
Dalam kumpulan	6086.59	471	12.92		
Jumlah	6342.42	473			

k<.05

**Tidak terdapat perbezaan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah mengikut umur**

Keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah mengikut umur ( $F=1.033$ ,  $k>.05$ ). Dapatan kajian menunjukkan bahawa taburan umur responden yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja adalah tidak bebeza. Maka, hipotesis adalah diterima. Jadual 4 menunjukkan ringkasan bagi dapatan kajian ini.

**Jadual 4: Perbezaan Penglibatan Remaja dalam Penyalahgunaan Dadah Mengikut Umur**

<b>mur</b>	<b>Jumlah kuasa dua</b>	<b>dk</b>	<b>Min kuasa dua</b>	<b>F</b>	<b>Sig.</b>
Antara kumpulan	55.81	4	13.95	1.033	.390
Dalam kumpulan	6281.67	465	13.51		
Jumlah	6337.48	469			
k<.05					

### **Perbincangan**

Keputusan kajian menunjukkan terhadap hubungan yang signifikan antara perapatan ibubapa dengan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah. Hubungan yang terhasil dalam kajian ini adalah positif dan bersifat sangat lemah. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa jika skor perapatan ibubapa meningkat maka skor penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah juga akan meningkat dan jika skor perapatan ibubapa menurun maka skor penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah juga akan menurun.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa walaupun wujud perapatan antara remaja dengan ibu bapa, namun masih terdapat kecenderungan yang sangat kecil remaja untuk terlibat dalam penggunaan dadah. Situasi ini berlaku mungkin disebabkan oleh jenis perapatan yang diamalkan antara remaja dalam kajian ini dan ibu bapa mereka adalah perapatan jenis tidak teratur. Mengikut teori perapatan yang telah dinyatakan menunjukkan bahawa perapatan jenis ini sering menunjukkan campuran tingkah laku yang mengelirukan. Remaja mungkin boleh mengelakkan atau melawan ibu bapa disebabkan tingkah laku yang tidak konsisten itu. Dengan kata lain, ibu bapa mungkin memberikan kedua-dua sumber keselesaan dan sumber rasa takut kepada remaja pada masa yang sama, yang akhirnya membawa kepada tingkah laku yang tidak teratur menyebabkan mereka cenderung terlibat kepada penyalahgunaan dadah walaupun wujud perapatan dengan ibu bapa.

Hasil kajian ini berbeza dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh H.M. Abdullah Al-Hadi (1993) yang bertujuan untuk melihat perbandingan daripada aspek komunikasi dan tahap hubungan kasih sayang antara ibu bapa dan anak serta penglibatan ahli keluarga antara penyalahguna dadah (PD) dan bukan penyalahguna dadah (BPD). Kajian beliau mendapati bahawa, ibu bapa kepada PD mempunyai komunikasi yang terhad dan tahap kasih sayang yang rendah serta penglibatan ahli keluarga yang kurang berbanding dengan ibu bapa BPD yang sering berkomunikasi dengan anak mereka, tahap hubungan kasih sayang antara ibu bapa dan anak juga tinggi serta penglibatan ahli keluarga dalam kehidupan remaja juga tinggi.

Keputusan kajian ini juga menunjukkan terhadap hubungan yang signifikan antara perapatan rakan sebaya dengan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah dimana hubungan yang terhasil adalah positif dan bersifat sangat lemah. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa jika skor perapatan rakan sebaya meningkat maka skor penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah juga akan meningkat dan begitu juga sebaliknya. Ini menunjukkan, perapatan rakan sebaya memberikan peranan dalam mempengaruhi penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah.

Dapatan kajian ini dilihat sejajar dengan kajian daripada Bahr, Hoffman, & Yang (2005). Dalam kajian mereka mendapati bahawa penggunaan bahan oleh rakan sebaya mempunyai kesan yang kuat terhadap penggunaan dadah oleh remaja. Rakan-rakan selalunya memperkenalkan dan menggalakkan penggunaannya kepada rakan mereka, namun, remaja jarang menggunakan dadah jika rakan mereka juga tidak mengambil dadah atau tidak mempunyai rakan yang mengambil dadah.

Selain itu, keputusan kajian turut menunjukkan bahawa terdapat perbezaan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah mengikut kawasan. Kawasan yang menjadi tumpuan dalam kajian ini adalah Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Dapatan

kajian menunjukkan, kawasan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah tertinggi adalah di Kota Kinabalu, diikuti oleh kawasan Sandakan dan akhir sekali adalah kawasan Tawau.

Situasi ini dilihat berlaku adalah disebabkan oleh kemudahan bagi remaja untuk mendapatkan bekalan bahan terlarang ini di kawasan tersebut. Kota Kinabalu merupakan ibu negeri Sabah yang sememangnya mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi, kehidupan remaja yang agak bebas menyebabkan golongan ini mudah untuk mendapatkan bekalan bahan. Namun begitu, dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian daripada Mahmood (2009) yang mendapati peratusan tertinggi aktiviti penyalahgunaan bahan oleh golongan remaja telah dikenalpasti berlaku di kawasan Luar Bandar berbanding kawasan Bandar.

Akhir sekali, keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah mengikut umur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa taburan umur responden yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja adalah tidak bebeza. Mengikut statistik 2008, sepanjang tempoh 8 bulan, golongan belia yang berumur di antara 19-39 tahun masih lagi merupakan majoriti penagih yang dikesan. Statistik ini menunjukkan dapatan yang sama bagi kategori umur dalam kajian ini dimana responden adalah dalam lingkungan umur 15 hingga 35 tahun.

## Kesimpulan

Isu penyalahgunaan dadah terutamanya dalam kalangan remaja bukanlah suatu topik yang baru malah telah menjadi satu isu yang sering diberi perhatian untuk dikaji. Keadaan ini menunjukkan terdapat kesedaran dalam kalangan masyarakat dan pihak berkuasa untuk terus mencuba mengenalpasti faktor, risiko serta masalah yang wujud hari ini sehingga masalah dadah ini masih berleluasa dalam kalangan remaja di Negara ini. Justeru, kajian ini turut tampil dengan usaha yang kecil dalam usaha memberikan pendedahan kepada setiap golongan tentang isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja ini.

Lantaran itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan serba sedikit maklumat mengenai isu ini agar pihak berkaitan dapat merangka langkah penyelesaian secara khusus dalam usaha menyelamatkan golongan remaja kita daripada penyalahgunaan bahan terutama dari pihak ibubapa dan rakan sebaya. Pengkaji yakin, dengan cara mengenalpasti secara jelas faktor risiko mampu memberikan gambaran yang lebih spesifik dalam mencari penyelesaian yang boleh membantu remaja berisiko ini. Selain itu, program yang bakal dijalankan juga akan lebih efektif dan berkesan.

## Rujukan

- Abdul Ghafar Taib (1995). *Cuma Lima Minit Anti Dadah*. Kuala Lumpur : Percetakan Rina Sdn. Bhd.
- Amrsden, G., and Greenberg, M. (1987). The inventory of parent and peer attachment: Individual differences and their relationship to psychological well-being in adolescence. *J. Youth Adolesc.* 16: 427–454.
- Bahr, S.J., Hoffman, J.P .,& Yang, X. (2005). Parental and peer influences on the risk of adolescent drug use. *Journal of Primary Prevention*, 26(6), 529-551.
- Bowlby, J. (1958). 'The nature of the child's tie to his mother', *International Journal of Psychoanalysis* 39, pp. 350–373, 367.
- Branstetter, S.A., Low, S., & Furman, W. (2011). The influence of parents and friends on adolescent substance use: a multidimensional approach. *Journal of substance use*, 16 (2), 150-160

- Carol, K. M. (1998). *A cognitive-behavioral approach: Treating cocaine addiction*. Rockville: National Institute on Drug Abuse.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1985). *Intrinsic motivation and self-determination in human behaviour*. New York: Plenum.
- Elder, G. H., Jr. (1998). The life course as developmental theory. *Child Development*, 69, I, 1-12.
- Gau, S. S., Chong, M., Yang, P., Yen, C., Liang, K., & Cheng, A. T. (2007). Psychiatric and psychosocial predictors of substance use disorder among adolescent: Longitudinal study. *British Journal of Psychiatry*, 190, 42-48.
- H.M. Abdullah Al-Hadi (1993). Faktor-faktor keluarga dan tingkah laku penyalahgunaan dadah: Satu kajian perbandingan antara penyalahguna dadah dengan bukan penyalahguna dadah. *Pertanianj. Soc. Sci. & Hurn.* 1(1): 41-55
- Hall, G. S. (1904). *Adolescence: Its psychology and its relation to physiology, anthropology, sociology, sex, crime, religion, and education (Vols. I & II)*. New York: D. Appleton & Co.
- Harvey A. Skinner. (2009). *Drug Use Questionnaire (DAST-10)*. Department of Public Health Services at the University of Toronto, and the Centre for Addiction and Mental Health, Toronto, Canada.
- Hoffman, L. (1996). Progress and problems in the study of adolescence. *Developmental Psychology*, 32, 777-780.
- Klausmeier, Herbert J.; Feldman, Katherine V. (1975). *Journal of Educational Psychology*, Vol 67(2), 174-178.
- Mahmood Nazar, M. (2009). *Penyalahgunaan Dadah Aspek Undang-undang, Pemulihan, Rawatan & Pencegahan*. Selangor: Edusystem Sdn.Bhd.
- McCrady, B. S. (2004). To have but one true friend: Implication for practise of research on alcohol use disorders and social networks. *Psychology of Addictive Behaviours*, 18, 113-121.
- Miziker-Gonet, M. (2010). Counseling the adolescent substance abuser. New York: Sage Publication, Inc.
- National Institute on Drug Abuse, National Institute of Health, and U.S. Department of Health and Human Services (2010). *Commonly abused drugs*.